

# UMP bersedia hadapi cabaran

*Sinar Harian (PT) Sabtu 6/10/07 pg: P20*

**UMP komited untuk menjadi salah satu katalis yang akan menjayakan pelaksanaan agenda mega Koridor Pantai Timur**

■ ERMA YUSNIDA JUSOH

**KUANTAN** - Penjenamaan semula Kolej-kolej Universiti Awam (UMP) awal tahun lalu adalah suatu cabaran yang harus ditempuhi dengan semangat yang jitu dan tenaga yang padu dalam memastikan sektor pendidikan tinggi di Malaysia terus berkembang pesat.

Untuk mencapai matlamat tersebut semua pihak perlu bertekad untuk berganding bahu bersama dengan kerajaan dalam memacu pembangunan ekonomi, industri dan pengetahuan di Pantai Timur.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela berkata UMP komited untuk menjadi salah satu katalis yang akan menjayakan pelaksanaan agenda mega Koridor Pantai Timur atau ECER yang bakal dilancarkan tidak lama lagi.

"Komitmen yang tidak berbelah-bagi kerajaan terhadap pembangunan universiti menyemarakkan lagi tekad warga UMP untuk menjadikan UMP sebagai universiti yang unggul, berjenama dan bertaraf dunia," katanya dalam Majlis Berbuka

Puasa Bersama Tuanku Canselor di universiti tersebut, semalam.

Beliau turut menyatakan bahawa majlis berbuka puasa yang diadakan adalah manifestasi kesyukuran warga UMP terhadap nikmat keselesaan dan kesejahteraan yang dikecap selama ini.

"Warga UMP harus bersyukur dengan nikmat yang dikecap dan menjadikan Ramadan kali ini sebagai medan bagi mendapatkan keinsafan dan kesedaran yang mendalam bahawa kita semua hanyalah hamba yang kecil.

"Selain itu, warga

UMP perlu menjadikan Ramadan sebagai satu suntikan semangat juang terutama kepada pelajar yang harus berjuang tanpa jemu dalam medan menuntut ilmu seterusnya memberi sumbangan kepada bangsa, agama dan negara," jelasnya.

Dalam majlis itu, sumbangan duit raya turut disampaikan kepada 60 anak-anak yatim daripada Rumah Kanak-kanak Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan dan Rumah Anak Yatim Nur Hidayah, Muadzam yang disampaikan oleh Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah.



Sebahagian anak-anak yatim sedang menikmati juadah berbuka puasa pada majlis tersebut.